



**KENYATAAN RASMI**  
**31 Mei 2021**

## **PENUTUPAN GALERI JUALAN DAN PEJABAT PR1MA SEPANJANG TEMPOH “TOTAL LOCKDOWN”**

---

Petaling Jaya – Sejajar dengan pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin tentang pelaksanaan “Total Lockdown” mulai 1 Jun 2021; Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) akan menutup galeri jualannya di Ara Damansara dan Kuching, Sarawak serta seluruh pejabatnya sepanjang tempoh yang diumumkan.

Langkah ini diambil untuk sama-sama membantu kerajaan dan barisan hadapan dalam memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 dalam komuniti yang kini berada di tahap yang membimbangkan.

Pihak PR1MA juga akan mengeluarkan senarai soalan lazim (FAQ) di laman sesawang dalam masa terdekat sebagai panduan kepada semua pihak berkepentingan.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan dengan menghubungi kami di talian 03-7628 9898 atau secara dalam talian (online) dengan menghantar emel kepada kami di [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

---

-TAMAT-